

11 NOV 1997

DR MAHATHIR "TIME DAN NEWSWEEK MENJADIKAN KEDUDUKAN SAYA LEBIH KUKUH"

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kedudukan beliau kini lebih kukuh hasil cadangan yang dibuat oleh majalah TIME dan Newsweek supaya beliau meletakkan jawatan.

"Kata sebuah majalah asing, kononnya nilai ringgit turun bila saya buka mulut, dan apabila saya meninggalkan Malaysia untuk pergi ke luar negeri, maka mata wang naik balik, jadi saya pula ingin berkata bahawa apabila majalah TIME dan Newsweek buka mulut, lebih kuat saya boleh duduk di sini," katanya ketika berucap melancarkan trak nasional Hicom Perkasa di sini.

Sebelum itu beliau menyatakan penghargaan kepada kira-kira 18,000 orang di negeri Pahang yang memberikan sokongan kepadanya pada 18 Okt lepas, walaupun beliau tidak dapat hadir pada jadual asal majlis pelancaran trak nasional itu.

Beliau turut berterima kasih kepada sokongan yang diberikan oleh PAS dan DAP kepadanya dalam menghadapi masalah ekonomi negara sekarang dan seterusnya merujuk balik kepada laporan oleh majalah berita terbitan Amerika Syarikat itu.

"Jika ada sesiapa di sini yang mewakili TIME dan Newsweek, tolong sampaikan rasa terima kasih saya kerana mencadangkan supaya saya meletakkan jawatan dan oleh kerana cadangan itu kedudukan saya kini lebih kukuh," kata beliau. -- BERNAMA

AFY PR